

Kerugian sektor pertanian RM70 juta

UM 31/1

MARANG 30 Jan. - Kerugian yang dialami sektor pertanian termasuk ternakan dan industri asas tani akibat banjir besar yang melanda beberapa buah negeri terutama di Johor baru-baru ini mencecah hampir RM70 juta.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yassin berkata, berdasarkan laporan awal kerugian akibat bencana mungkin melebihi angka tersebut kerana beberapa kawasan di Johor masih ditenggelami air.

Katanya, butir-butir tersebut dibentangkan dalam mesyuarat yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam dan ia sedang diperhalusi untuk tindakan selanjutnya.

"Anggaran kerugian dalam sektor pertanian seperti ternakan dan tanaman berjumlah RM67 juta tetapi kalau dicampur kemudahan

atau infrastruktur ia mencecah RM70 juta," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan sambil kerja ke Program Bumi Hijau di Taman Perumahan Medan Jaya, dekat sini hari ini.

Di samping itu, katanya, kerajaan juga meluluskan peruntukan untuk diagih-agihkan kepada mangsa banjir terbabit dalam tempoh terdekat.

Menurut Muhyiddin, peruntukan itu disediakan bagi memastikan mangsa mendapat pembelaan sewajarnya.

Mengenai program bumi hijau, beliau berkata, kerajaan menjangka negara dapat menjimatkan sebanyak RM500 juta setahun jika semua 500,000 keluarga yang dikenal pasti di seluruh negara mengusahakan program itu

secara lebih tersusun dan bersistematik.

Katanya, kempen itu diharapkan dapat melibatkan semua masyarakat dengan kegiatan pertanian bagi mengurangkan kos sara hidup akibat harga barangan yang kian meningkat.

"Di peringkat kerajaan negeri dan Pusat, kita akan membantu dan selepas itu penduduk akan mengusahakan sendiri seperti di halaman rumah yang melibatkan kos ringan," jelasnya.

Beliau menambah, kementeriannya menggalakkan semua keluarga di setiap kampung di Terengganu mengusahakan tanaman dalam program Bumi Hijau itu supaya mereka dapat berdikari.

Menurutnya, walaupun ia hanyalah suatu kempen tetapi kerajaan tidak menetapkan tempoh masa kerana yang penting mereka mengusahakan kegiatan pertanian sepanjang masa.